

AKTA 765 - MALAYSIAN AIRLINE SYSTEM BERHAD (PENTADBIRAN) 2015

Hasani Mohd Ali
hmohdali@ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43650 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

PENDAHULUAN

Malaysian Airline System Berhad (Pentadbiran) 2015 (selepas ini dirujuk sebagai Akta 765) diluluskan oleh Parlimen dan mendapat perkenan diraja pada 30 Disember 2014, dan diterbitkan dalam *Gazet* pada 5 Januari 2015. Seperti yang dinyatakan dalam mukadimah, Akta 765 diperkenalkan demi kepentingan nasional, iaitu memastikan kelangsungan operasi Malaysian Airline System Berhad (MAS) sebagai syarikat penerbangan nasional. Untuk tujuan itu, pelantikan seorang Pentadbir akan dibuat tanpa mengganggu operasi sedia ada. Di samping itu, satu entiti baharu kemudiannya akan ditubuhkan menggantikan MAS dan akan dikenali sebagai Malaysia Airlines Berhad (MAB) dengan model perniagaan yang baharu.¹ MAB ialah sebuah syarikat komersial dengan objektif utamanya adalah untuk menjalankan perniagaan sebagai syarikat penerbangan nasional, di samping apa-apa bentuk perniagaan berkaitan yang sesuai.²

Makalah ini membincangkan ciri Akta 765 dalam usaha membawa MAS yang akan bertukar menjadi MAB dan menjadi syarikat penerbangan yang berdaya saing dan disegani. Makalah ini akan mengupas proses pemulihan MAS melalui Akta 765 mengikut perspektif undang-undang berkaitan dengan penyelamatan korporat. Rujukan silang terhadap mekanisme penyelamatan korporat di bawah pelbagai peruntukan, termasuk seksyen 176 Akta Syarikat 1965 (seksyen 176), Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 (Akta Danaharta) dan mekanisme seumpamanya pada peringkat cadangan mahupun yang dilaksanakan dalam bidang kuasa lain akan dibuat mengikut kesesuaian perbincangan.

1 Seksyen 23 Akta 765.

2 "Newco" ialah istilah yang selalu digunakan merujuk syarikat baharu yang ditubuhkan menggantikan syarikat lama hasil daripada penstrukturan.

LATAR BELAKANG MAS

MAS mempunyai sejarah yang panjang dalam industri penerbangan. Syarikat ini memulakan penerbangan komersial semenjak tahun 1947, sebagai Malaysian Airways Limited dan bertukar menjadi Malaysian Airline System Berhad pada tahun 1972 (secara komersial dikenali sebagai Malaysia Airlines) setelah berpecah dengan Singapore Airlines, iaitu syarikat penerbangan Singapura. Syarikat telah menempa kemuncak pencapaian pada era 80-an dan 90-an sehingga syarikat mampu menerobos destinasi utama dunia, termasuk Los Angeles, Honolulu, Buenos Aires dan Mexico City.

MAS mula berdepan dengan masalah kewangan serius apabila negara dilanda krisis kewangan pada tahun 1997. Walaupun berjaya pulih kembali, MAS sekali lagi dilanda masalah kewangan yang serius sekitar tahun 2005 yang disebabkan, terutamanya oleh kenaikan harga bahan api. Sekali lagi, MAS berjaya pulih sebelum dilanda kerugian terbesar pada tahun 2011. Kali ini, faktor salah pengurusan diakui antara punca, selain kenaikan berterusan harga bahan api. Usaha pemulihan terus dibuat, antara lain melalui pengurangan kos dan destinasi penerbangan. Peningkatan saingan, terutamanya daripada syarikat penerbangan tambang murah menjadikan MAS sukar untuk mengembalikan prestasinya seiring dengan status dan reputasinya sebagai syarikat penerbangan nasional.

Malang menimpa MAS apabila pada 8 Mac 2014 tragedi kehilangan pesawat MH370 yang dalam perjalanan ke Beijing mencetuskan krisis keyakinan masyarakat antarabangsa untuk menggunakan khidmat penerbangan MAS. Sejurus itu, prestasi kewangan MAS terjejas teruk akibat berlaku banyak penurunan dan pembatalan tempahan tiket. Sementara pesawat MH370 masih belum ditemui, terjadi pula tragedi pesawat MH17 ditembak jatuh oleh pengganas di Ukraine pada 17 Julai 2014. Tragedi demi tragedi yang berlaku telah memberikan dampak negatif dan merosotnya kepercayaan awam terhadap keupayaan MAS.

Pelan penyelamatan syarikat penerbangan yang mempunyai kepentingan strategik nasional dirasakan perlu diperkenalkan dan dilaksanakan pada peringkat tertinggi. Syarikat pelaburan kerajaan, Khazanah Nasional Bhd. diberikan tanggungjawab berat untuk menjayakan misi ini. Khazanah Nasional Bhd. telah mengambil alih MAS dengan memegang kepentingan sepenuhnya dalam MAS melalui pengambilalihan syer daripada pemegang

syer minoriti yang lain.³ Ekoran itu, Akta 765 diperkenalkan sebagai pendekatan drastik, khusus untuk membawa syarikat ke arah pemulihan sepenuhnya. Pendekatan utama yang dikenal pasti untuk mencapai matlamat ini adalah untuk membawa para pekerja dan pembekal ke meja rundingan.

ANALISIS KANDUNGAN

Akta 765 sebagai “Penyelamat Korporat”

Untuk rekod, penggunaan statut untuk tujuan pemulihan dan penstrukturan syarikat bermasalah bukanlah yang julung kalinya diperkenalkan di Malaysia. Sebelum ini, Akta Danaharta diperkenal pada tahun 1998 untuk tujuan memulihkan hutang lapuk, ekoran krisis ekonomi yang melanda pada tahun 1997. Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta) ialah sebuah syarikat pengurusan aset negara yang menguruskan pinjaman tidak berbayar (NPL). Danaharta membeli NPL yang selalunya mengandungi aset kolateral daripada bank dan institusi kewangan untuk diuruskan bagi mendapatkan semula nilai setimpal dengan nilai pembayaran hutang. Pemulihan aset mungkin termasuk pemulihan syarikat yang terjejas kerana dalam proses itu satu tempoh moratorium yang menghalang kemungkinan tindakan menguatkuasakan hutang oleh pemiutang mungkin diberikan. Pelaksanaan pelan pemulihan di bawah Akta Danaharta cenderung untuk menjadikan penstrukturan syarikat sebagai opsyen melalui pelantikan Pentadbir khas (*Special Administrator*). Akta Danaharta tidak secara spesifik menamakan syarikat tertentu untuk distrukturkan. Sebaliknya, tumpuan diberikan kepada pemulihan aset strategik tertentu yang tertakluk di bawah sesuatu hutang lapuk.⁴

Manakala, seksyen 176 pula membolehkan sesebuah syarikat disusun semula dengan pelibatan minimum pihak ketiga dalam pengurusan untuk memulihkan syarikat. Para pengarah yang sedia ada boleh kekal dalam syarikat. Dari satu segi, perkara ini merupakan satu kelebihan kepada syarikat kerana ahli pengurusan yang sedia ada dianggap sebagai paling tahu mengenai hal ehwal syarikat. Lebih-lebih lagi jika punca syarikat

3 Untuk berita perkembangan berkaitan, lihat contohnya: B. K. Sidhu, “Mueller Gets Busy” dlm. *The Star Online*, Business News, 7 Mac 2015; B. K. Sidhu, “New Medicine for Ailing MAS” dlm. *The Star Online*, Business News, 30 Ogos 2014; dan Joseph Chin, “Malaysia Airlines Bhd. New CEO Mueller an Aviation Veteran (Update)” dlm. *The Star Online*, Business News, 5 Disember 2014.

4 Untuk perbincangan lanjut, sila lihat Siti Naaishah Hambali dan Hasani Mohd. Ali, “The Role of Pengurusan Danaharta Nasional Berhad in Corporate Restructuring: A Legal Perspective” dlm. [2000] 4 *Current Law Journal* hlm. 1.

menghadapi masalah kewangan itu datangnya daripada faktor luaran, maka sewajarnya masih terdapat keyakinan terhadap kewibawaan pengurusan yang sedia ada.

Peruntukan ini membolehkan pengurusan yang sedia ada terus menjaga hal ehwal syarikat, dan pada masa yang sama terlibat secara aktif dalam menyediakan cadangan untuk menyelamatkan syarikat keluar daripada masalah kewangan. Seperti langkah penyelamatan yang lain, skim ini boleh memberikan peluang kepada pihak pengurusan melaksanakan penyusunan semula yang boleh disesuaikan dengan keperluan korporat tertentu.⁵

Di Malaysia, buat masa ini penyelamatan korporat hanya boleh dibuat menerusi seksyen 176 Akta Syarikat 1965.⁶ Walau bagaimanapun, seksyen 176 dengan cirinya mungkin tidak sesuai untuk dijadikan mekanisme memulihkan MAS.⁷ Sedangkan, Akta Danaharta pula kini hanyalah menjadi satu rujukan perbandingan untuk melihat sejarah mekanisme penyelamatan korporat di Malaysia. Oleh sebab itu, Akta 765 diperkenalkan khusus untuk membolehkan usaha menjadikan MAS untuk bangkit sebagai pemain utama dalam industri penerbangan demi kepentingan nasional.

Ada beberapa ciri utama Akta 765 yang menjadikan peruntukan berkaitan digubal khusus untuk menyelamatkan MAS. Kebiasaannya, satu usaha penyelamatan memerlukan cadangan atau pelan untuk dilaksanakan. Untuk tujuan penulisan ini, analisis akan dibuat menerusi peruntukan berkaitan seperti yang berikut:

1. Pelantikan Pentadbir (*Administrator*).
2. Tempoh moratorium.
3. Cadangan penstrukturan.
4. Peruntukan peletakan hak.

5 Untuk perbincangan lanjut mengenai pelbagai mekanisme penyelamatan korporat, khususnya di bawah seksyen 176, sila lihat Hasani Mohd. Ali, "Rescue Options for Financially Distressed Companies in Malaysia: Present Regime and Beyond" dlm. *The International Company and Commercial Law Review* (I.C.C.L.R.), 2009, hlm. 309-19.

6 Cadangan pindaan mungkin akan menggantikan *arrangements and reconstructions* yang berbeza dengan seksyen 176, terutama berkaitan tempoh moratorium dan peranan wakil pemiutang dalam Lembaga Pengarah. Lihat Exposure Draft as at 2 July 2013 di laman web Suruhanjaya Syarikat Malaysia di [ssm.com.my](http://www.ssm.com.my). Lihat Parliament of Malaysia, COMPANIES BILL 2015, D.R. 30 of 2015 di <http://www.mtic.my/corporate/legislation/companies-act-2015-MY14073.html> (28 Oktober 2015).

7 Terdapat pelbagai cadangan penyelamatan korporat mengikut draf Akta Syarikat, termasuk Corporate Voluntary Arrangement (CVA), *Judicial Management dan Arrangements and Reconstructions*.

5. Kepentingan pemiutang.
6. Kepentingan pekerja.

Pelantikan Pentadbir

Pelantikan Pentadbir menjadi titik tolak penting bermulanya proses Pentadbiran MAS mengikut Akta 765.⁸ Dari sudut undang-undang, Pentadbir ialah istilah yang juga digunakan dalam statut yang ada memperuntukkan pelbagai mekanisme berkaitan penstrukturan atau penyelamatan korporat dalam pelbagai bidang kuasa. Contohnya, di bawah Akta Danaharta, pegawai seumpama dirujuk sebagai Pentadbir Khas. Di bawah Akta 765, pelantikan Pentadbir akan memudahkan pemindahan aset dan liabiliti terpilih daripada MAS kepada syarikat baharu, Malaysia Airlines Bhd. (MAB), menjelang 1 September 2015.⁹ Akta 765 memperuntukkan satu cara yang berkesan, cekap dan lancar untuk membolehkan peralihan perniagaan, harta, hak, liabiliti dan hal ehwal MAS kepada MAB. Peralihan daripada MAS kepada MAB ialah komponen utama 12 mata Pelan Pemulihan MAS (MRP) yang diumumkan pada 29 Ogos 2014, untuk menyusun semula syarikat penerbangan itu dan meletakkannya ke arah keuntungan yang berterusan.¹⁰

Pentadbir bertanggungjawab mengemukakan cadangan penstrukturan untuk syarikat. Pegawai seumpama ini boleh dirujuk sebagai pengamal insolvensi. Insolvensi ialah suatu keadaan syarikat tidak berkemampuan membayar hutangnya. Pengamal insolvensi ialah satu konsep yang selalunya masih terbatas dalam kalangan pegawai penerima, pengurus dan pelikuidasi.¹¹

Pentadbir akan dilantik oleh Pelantik¹² dalam kalangan ahli Lembaga Pengarah atau ahli syarikat yang di bawah Pentadbiran. Pentadbir mestilah seorang yang biasa (bukan syarikat) yang bersetuju menerima pelantikannya. Secara khususnya, beliau ialah seorang juruaudit syarikat yang bertauliah atau

8 Khazanah Nasional Bhd. melantik Datuk Mohammad Faiz Azmi sebagai Pentadbir untuk Malaysian Airline System Bhd. (MAS) bermula 25 Mei 2015 kerana MAS dalam proses peralihan menjadi syarikat baharu. Malaysia Airlines Bhd. (MAB). Lihat "Khazanah Picks Administrator for Malaysia Airlines" dlm. *The Star Online*, Business News, Monday, 25 May 2015.

9 Sila lihat: <http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/khazanah-lantik-Pentadbir-untuk-mas-1.95570#sthash.flaoxN21.dpuf>

10 Lihat B. K. Sidhu, "New Medicine for Ailing MAS" dlm. *The Star Online*, Business News, 30 Ogos 2014.

11 Lihat Vanessa Finch, "Doctoring in the Shadows of Insolvency" dlm. [2005] *J.B.L.* 690. Pegawai seumpama akan lebih dikenali nanti melalui mekanisme penyelamatan korporat pada peringkat cadangan seperti Pengurus Kehakiman (*Judicial Manager*) dan Nominee. Lihat Exposure Draft as at 2 July 2013 di laman web Suruhanjaya Syarikat Malaysia di ssm.com.my.

12 Seksyen 5 Akta 765.

mungkin sesiapa yang difikirkan layak.¹³ Tugas utama Pentadbir dinyatakan dalam seksyen 9, terutamanya untuk menjalankan perniagaan dan operasi penstrukturan semula MAS. Beliau diberikan kuasa yang luas¹⁴, antara lain:

1. Pentadbir mempunyai kuasa untuk berunding terma dan syarat apa-apa kontrak.
2. Pentadbir boleh mengambil pekerja atau menamatkan pekerja, dan menentukan pampasan yang kena dibayar kepada pekerja yang dibuang kerja. Beliau boleh mengambil milik apa-apa hartanah MAS, menjual atau melupuskan bahagian harta itu dengan apa-apa cara yang difikirkannya adil.
3. Pentadbir juga boleh mendapatkan dana ekuiti atau meminjam wang, dan memberikan jaminan atas harta syarikat yang ditadbir. Beliau juga boleh memberi atau menerima suatu penyerahan balik suatu pajakan atau penyewaan harta syarikat yang ditadbir.
4. Pentadbir juga boleh memindahkan apa-apa harta, perniagaan, liabiliti dan hal ehwal syarikat untuk diberikan kepada mana-mana syarikat subsidiari MAB.
5. Pentadbir juga boleh membeli saham, hartanah dan peralatan daripada mana-mana syarikat dengan syarat syarikat yang ditadbir ialah pemegang saham yang sedia ada, yang memberikan bekalan barangan atau perkhidmatan yang penting bagi memastikan kesinambungan tanpa gangguan kepada perniagaan yang terletak hak pada MAB.
6. Dengan pelantikan Pentadbir, apa-apa pemindahan, gadai janji, pelaksanaan atau obligasi yang ditanggung oleh, atau terhadap syarikat yang ditadbir, boleh dielakkan atau diperoleh kembali oleh Pentadbir.
7. Dalam menjalankan urusan MAS, Pentadbir diberi kuasa, termasuk melantik pengarah baharu, pemecatan atau penggantungan sesiapa juga dalam syarikat itu.

Untuk tujuan ini, Pentadbir dan syarikat yang ditadbir (MAS atau MAB) diberikan imuniti terhadap apa-apa liabiliti yang timbul daripada apa-apa transaksi kontrak, perjanjian, jaminan, pemindahan hak, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, mana-mana badan pengawal selia tidak dihalang

13 Seksyen 8 Akta 765.

14 Seksyen 10 Akta 765.

untuk mengambil apa-apa tindakan dalam sivil mahupun jenayah terhadap MAS atau MAB.¹⁵ Dinyatakan juga dalam seksyen 33 Akta 765 mengenai imuniti daripada sebarang tindakan undang-undang kepada Pentadbir dan kepada semua mereka yang terlibat, termasuk menteri, pelantik, penasihat bebas dan wakil mereka bagi apa-apa tindakan yang dibuat berdasarkan kuasa yang diberikan oleh Akta 765 jika dilakukan dengan suci hati.¹⁶

Cadangan Penstrukturan

Inti pati pelan pemulihan dan penstrukturan MAS akan digariskan dengan terperinci dalam satu kertas cadangan pemulihan. Seksyen 17 Akta 765 menggariskan bahawa cadangan pemulihan MAS dibuat mengikut yang terbaik mengikut budi bicara Pentadbir dengan cara merundingkan kembali mana-mana perjanjian atau kontrak; atau menyediakan pelan cadangan untuk MAS atau mana-mana tuntutan atau liabilitinya.

Sebagai perbandingan, cadangan penstrukturan sedia ada di bawah seksyen 176 memerlukan satu pelan yang akan dikemukakan kepada pemiutang syarikat. Suatu mesyuarat pemiutang perlu diadakan. Setiap kelas pemiutang¹⁷ perlu dikenal pasti dan persetujuan mereka diminta untuk meluluskan rancangan itu. Seksyen 176 menghendaki persetujuan sekurang-kurangnya $\frac{3}{4}$ pemiutang mengikut nilai untuk diperolehi melalui mesyuarat dengan para pemiutang. Walau bagaimanapun, Akta 765 tidak langsung menyentuh peranan pihak pemiutang, sebaliknya menekankan peranan pelantik dan penasihat bebas.

Kertas cadangan oleh Pentadbir hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan oleh Penasihat Bebas dan Pelantik. Penasihat Bebas hendaklah bersetuju dengan pelantikannya; dan mestilah bebas serta tidak mempunyai apa-apa kepentingan dalam MAS ataupun MAB. Penasihat Bebas boleh jadi sebuah bank saudagar, firma perakaunan, atau sesiapa (bukannya manusia biasa) yang boleh bertindak menasihati mengenai kewangan korporat di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan cukup kelayakan dari segi kewibawaan dan pengalaman.¹⁸

Penasihat Bebas akan menyediakan satu laporan bebas mengenai cadangan yang dikemukakan oleh Pentadbir. Pelantik akan meneliti kembali cadangan

15 Seksyen 11(3) Akta 765.

16 Khazanah Nasional Bhd telah melantik Datuk Mohammad Faiz Azmi sebagai Pentadbir untuk Malaysian Airline System Bhd. (MAS) bermula 25 Mei 2015. Lihat "Khazanah Picks Administrator for Malaysia Airlines" dlm. *The Star Online*, Business News, 25 Mei 2015.

17 Seksyen 176(1) Akta Syarikat 1965.

18 Seksyen 18 Akta 765.

dan laporan Penasihat Bebas sebelum diluluskan untuk pelaksanaan.¹⁹

Seksyen 20 Akta 765 juga memberikan Pelantik bidang kuasa yang luas untuk menerima atau meminta Pentadbir untuk menyemak kembali cadangannya atau meminta beliau mengemukakan cadangan baharu; atau untuk memberhentikan proses pentadbiran. Demikianlah juga, ketika pelaksanaan, Pelantik diberikan kuasa yang sama jika didapati satu pelaksanaan cadangan itu memerlukan kelulusan pihak badan pengawalseliaan (seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dsb.)²⁰

Seperti yang dilaporkan melalui media, pemegang saham tunggal MAS Khazanah Nasional Bhd. memperkenalkan rancangan 12 mata pada bulan Ogos 2014. Antaranya mereka bercadang untuk mengurangkan 6000 pekerjaan untuk menjadikan bilangan kakitangan 14 000 supaya MAB lebih berdaya maju.²¹ Pelan pemulihan MAS melibatkan sejumlah RM6 bilion yang akan digunakan bagi maksud penutupan MAS dan pembayaran pampasan kepada pekerja atau pembekal, dan sebagainya.

Selain itu, juga digariskan dalam pelan pemulihan itu bahawa MAS hanya akan memberikan tumpuan pada destinasi yang menguntungkan dengan model perniagaan yang lebih dinamik.²² Dari segi pengurusan pula, MAS akan diletakkan di bawah Ketua Pegawai Eksekutif yang baharu, iaitu Christoph R. Mueller. Beliau mempunyai 25 tahun rekod yang cemerlang membawa transformasi dan pemulihan dalam industri penerbangan. Beliau ialah bekas Ketua Pegawai Eksekutif Aer Lingus Plc (Aer Lingus), iaitu syarikat penerbangan kebangsaan Ireland.²³

Tempoh Moratorium

Moratorium seperti yang diterima pakai dalam seksyen 176(10) merujuk satu perintah larangan yang menahan pemiutang memulakan apa-apa tindakan yang boleh menjejaskan pelaksanaan pelan pemulihan, yang selalunya digunakan sebelum suatu skim menyelamatkan dibenarkan oleh mahkamah. Jika tidak, pemiutang boleh mengambil tindakan jika mereka memilih untuk menguatkuasakan hak undang-undang yang ketat, terutamanya ketika skim

19 Seksyen 20 Akta 765.

20 Seksyen 21 Akta 765.

21 MAB hanya mengambil 9000 orang pekerja dengan kontrak tetap. Sementara, 4000 orang kakitangan MAB adalah dengan kontrak jangka pendek. Lihat B.K. Sidhu, "MAB Keeps 9000 Permanent Staff" dlm. *The Star Online*, Business News, 3 September 2015.

22 Lihat B. K. Sidhu. "New Medicine for Ailing MAS" dlm. *The Star Online*, Business News, Saturday, 30 Ogos 2014.

23 Lihat Joseph Chin. "Malaysia Airlines Bhd. New CEO Mueller an Aviation Veteran (Update)" dlm. *The Star Online*, Business News, 5 Disember 2014.

itu masih pada peringkat cadangan, khususnya melalui proses penerimaan atau penggulungan.

Di bawah seksyen 176, tempoh moratorium akan dipohon serentak dengan pelan cadangan atau skim yang dikemukakan oleh syarikat. Mahkamah mempunyai kuasa budi bicara untuk meluluskan skim bagi membuat arahan berbangkit. Kuasa budi bicara mahkamah itu diperlukan kerana skop dan tahap perintah yang dibuat menurut seksyen 176(10) Akta Syarikat 1965 tidak jelas ditetapkan, terutama berhubung dengan kecukupan pelan yang dicadangkan. Dalam *Kuala Lumpur Industries Bhd., Re*,²⁴ V. C. George J. menegaskan bahawa rancangan itu tidak semestinya mesti dibentangkan secara terperinci tetapi mencukupi jika pemiutang boleh mempunyai maklumat awal yang diperlukan bagi mereka membuat keputusan sama ada rancangan itu boleh diluluskan atau tidak.

Seksyen 11 Akta 765 pula menggariskan moratorium yang akan berkuat kuasa sebaik sahaja Pentadbir dilantik. Kuat kuasa tempoh moratorium ini dijelaskan sebagai kesan pelantikan Pentadbir. Dalam tempoh ini, tiada petisyen penggulungan syarikat atau pelantikan mana-mana pengamal insolvensi lain dibenarkan seperti pegawai penerima, penerima dan pengurus, pelikuidasi (*liquidator*), dan sebagainya. Dalam tempoh ini juga, tiada apa-apa tindakan berkaitan kuat kuasa hutang pihak pemiutang terhadap MAS dibenarkan, termasuk menguatkuasakan penghakiman yang dibuat oleh mahkamah bagi apa-apa harta milik MAS.²⁵ Tempoh moratorium ialah selama 12 bulan, dan pelanjutan tempoh dibenarkan untuk tempoh tidak melebihi 12 bulan lagi.²⁶

Tempoh moratorium dalam apa-apa proses penstrukturan penting untuk menghalang apa-apa juga usaha yang boleh menyebabkan suatu pelan pemulihan gagal atau tergendala. Tempoh 12 bulan di bawah Akta 765 merupakan tempoh yang agak panjang secara relatif berbanding dengan mekanisme seumpama di bawah seksyen 176.²⁷ Walau bagaimanapun, pelanjutan sekali sahaja yang dibenarkan berbeza daripada peruntukan yang sama di bawah seksyen 176 yang membolehkan pelanjutan tempoh moratorium dibuat lebih daripada sekali.

Di bawah seksyen 176 umpamanya, sesuatu permohonan untuk melanjutkan perintah larangan tersebut boleh diminta oleh syarikat

24 *Kuala Lumpur Industries Bhd., Re* [1990] 2 *MLJ* 180, hlm. 182.

25 Seksyen 11(1)(d)(ii) Akta 765.

26 Seksyen 12(1) Akta 765.

27 Seksyen 176(10) Akta Syarikat 1965.

berkenaan. Mahkamah dijangka menimbangkan secara berhemat sama ada hendak membenarkan lanjutan perintah larangan supaya syarikat itu boleh menjalankan pelan penyelamatan atau yang tidak berasaskan “sebab yang baik” di bawah subs 10A daripada seksyen 176.²⁸ Maksud “sebab yang baik” tertakluk pada tafsiran mahkamah. Umpamanya, hujah yang mengatakan bahawa satu kemajuan yang munasabah ke arah pencapaian “skim pengaturan yang berdaya maju dan boleh dilaksanakan oleh pemiutang” boleh dianggap sebagai satu “sebab yang baik”.²⁹

Tempoh moratorium sering kali dirujuk untuk menentukan sama ada satu langkah penyelamatan itu formal atau sebaliknya. Jadual 1 menunjukkan perbandingan kuat kuasa tempoh moratorium bagi pelbagai mekanisme penyelamatan korporat sedia ada dan yang dicadangkan untuk Malaysia dan alasan pemberiannya termasuk di bawah Akta 765.

Jadual 2 Kuat kuasa tempoh moratorium bagi pelbagai mekanisme penyelamatan korporat sedia ada dan yang dicadangkan.

Bil.	Mekanisme Penyelamatan Korporat	Tempoh Moratorium
1.	Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998	Sepanjang tempoh pelantikan Pentadbir Khas berkuat kuasa.
2.	Akta 765 - Malaysian Airline System Berhad (Pentadbiran) 2015	12 bulan dan tempoh lanjutan boleh diberikan tidak lebih daripada 12 bulan.
3.	Scheme of Arrangement di bawah seksyen 176 Akta Syarikat 1965	90 hari dan boleh dilanjutkan mengikut pertimbangan mahkamah berdasarkan “sebab yang baik”.
4.	Cadangan semakan seksyen 176 Akta Syarikat 1965 (Arrangements and Reconstructions)	90 hari dan boleh dilanjutkan sehingga 270 hari dengan syarat-syarat ketat, termasuk kelulusan oleh wakil pemiutang dalam syarikat.
5.	<i>Judicial Management</i> (seperti dicadangkan)	180 dan boleh dilanjutkan hingga 180 hari lagi tertakluk pada kelulusan mahkamah.

(Peruntukan statut yang berkaitan dan draf Public Consultation On the New Companies Bill, July 2013³⁰)

28 Subseksyen ini memperuntukkan bahawa perintah larangan boleh dilanjutkan bagi apa-apa tempoh yang lebih lama hanya untuk “sebab-sebab yang baik” dan “jika dan hanya jika ‘keadaan’” (a)-(d) s 176(10A) Akta Syarikat 1965 dipenuhi”.

29 Lihat *Metroplex Bhd. Iwn Morgan Stanley Emerging Markets Inc; RHB Sakura Merchant Bankers Bhd. (Interveners)* [2005] 6 MLJ 487.

30 Lihat Exposure Draft as at 2 July 2013 di laman web Suruhanjaya Syarikat Malaysia di ssm.com.my

Bil.	Mekanisme Penyelamatan Korporat	Tempoh Moratorium
6.	<i>Companies Voluntary Arrangement</i> (seperti yang dicadangkan)	28 hari diikuti 60 hari berikutnya tertakluk pada pelanjutan mengikut pertimbangan mahkamah.
7.	Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998	Sepanjang tempoh pelantikan Pentadbir Khas berkuat kuasa.

Peruntukan Peletakan Hak

Peletakan hak merupakan satu kaedah di bawah Akta 765 yang digunakan untuk memindahkan aset. Akta Danaharta umpamanya menamakan kaedah ini sebagai Peletakan Hak Khas (*Special Vesting*). Di bawah Akta Danaharta, kaedah ini membolehkan Danaharta mengambil alih aset yang tertakluk pada hutang lapuk untuk distrukturkan yang bertujuan membantu institusi kewangan yang hutangnya berstatus tidak berbayar (NPL). Kaedah ini membolehkan Danaharta memperoleh harta atau aset yang terlibat itu bebas dari segala bentuk bebanan, halangan, tuntutan dan sebagainya³¹ sebelum boleh diurus dan dipulihkan.

Walau bagaimanapun, Akta 765 mempunyai objektif yang berbeza berbanding dengan peruntukan seumpama di bawah Akta Danaharta. Seksyen 29 Akta 765 memberikan kuasa kepada menteri untuk mengeluarkan perintah dan menentukan tarikh kuat kuasanya terhadap harta atau liabiliti MAS untuk dipindahkan kepada MAB tanpa melalui proses pindah milik yang biasa seperti pemindahan hak, penyerahan hak atau pemindahan. Kesan peletakan hak ini dinyatakan dalam jadual yang berkaitan dalam Akta 765.³² MAB akan mendapat hak sepenuhnya dan liabiliti yang berkaitan dengan harta yang dipindah milik melalui proses ini. Perenggan 5 dan 7 dalam jadual tersebut dengan jelas memperuntukkan bahawa liabiliti yang dipindahkan akan bertanggung pada pihak penerima pindah milik (MAB) walaupun pemindahan dibuat melalui proses peletakan hak. Walau bagaimanapun, seksyen 31 Akta 765 melepaskan Pentadbir daripada kemungkinan liabiliti yang timbul bagi apa-apa pelupusan yang dibuat melalui pengaturan atau transaksi antara MAS dengan MAB.

Perlu ditekankan bahawa kaedah penstrukturan dan pemulihan MAS akan banyak melibatkan rundingan semula kontrak dengan pembekal sedia ada MAS, selain pemberhentian pekerja. Terma baharu itu nanti akan

³¹ Seksyen 4 Akta Danaharta.

³² Lihat Akta 765 - Jadual [Seksyen 29] Peletakan Hak Harta dan Liabiliti

dirundingkan kembali dengan pembekal sebelum dipindahkan kepada MAB³³. Transaksi pemindahan pelupusan di bawah Akta 765 bertujuan untuk memudahkan proses berkaitan dan tidak sama dengan pemindahan melalui peletakan hak khas di bawah Akta Danaharta.

Kepentingan Pemiutang

Seperti yang dibincangkan di bawah subtopik pelan penstrukturan, seksyen 176 menekankan peranan pemiutang dalam meluluskan cadangan yang dikemukakan untuk penstrukturan.

Pemiutang ialah golongan yang sepatutnya mendapat perhatian istimewa apabila sesebuah syarikat menghampiri zon insolvensi, termasuklah ketika syarikat bercadang memasuki apa-apa skim penyelamatan. Bukan sahaja seksyen 176, banyak mekanisme penyelamatan korporat menghendaki agar suara pemiutang melalui undi mereka diambil kira sebelum skim pemulihan diluluskan. Persoalan mengenai kepentingan pihak pemiutang adalah menjadi pertimbangan utama dalam apa-apa juga proses penstrukturan korporat yang dicadangkan. Pihak pemiutang selalunya mempunyai keutamaan untuk mendapat bayaran balik amaun aset mereka yang terhutang kepada syarikat yang hendak distrukturkan.

Konsep mengutamakan pemiutang tatkala syarikat berdepan masalah kewangan ada digariskan dalam *Nicholson lwn Permakraft (Nicholson's case)*³⁴, semasa Cooke J. memutuskan penghakiman utama dan menjelaskan tugas pengarah syarikat ketika berdepan situasi insolvensi seperti yang berikut:

...The duties of directors are owed to the company. On the facts of particular cases this may require the directors to consider, inter alia, the interests of creditors. For instance, creditors are entitled to consideration, in my opinion, if the company is insolvent, or near insolvent, or of doubtful solvency, or if a contemplated payment or other course of action would jeopardise its solvency.

Dalam seksyen 176, syarikat boleh mengikat semua pemiutang atau mana-mana kelas pemiutang untuk menjalani satu skim pengaturan.³⁵ Skim ini mestilah diluluskan oleh mahkamah, yang akan mempertimbangkan isu

33 Lihat B. K. Sidhu. "New Medicine for Ailing MAS" dlm. *The Star Online*, Business News, Saturday, 30 Ogos 2014.

34 [1985] 3 *ACLC* 453.

35 Subseksyen (1) seksyen 176 Akta Syarikat 1965.

keadilan prosedur, mendengar bantahan daripada pemiutang ingkar dan memutuskan sama ada skim ini adalah “adil dan munasabah”. Dalam Akta Danaharta pula, mesyuarat dengan para pemiutang tidak diperlukan, tetapi pemiutang terjamin (*secured creditors*) hendaklah memberikan persetujuan kepada apa-apa langkah yang Danaharta ingin laksanakan terhadap aset yang terkait dengan satu hutang lapuk itu.³⁶

Di bawah Akta 765, kuasa yang cukup luas diberikan kepada Pentadbir untuk melaksanakan cadangan beliau tanpa persetujuan atau kelulusan mana-mana ahli atau pemiutang MAS atau MAB, yang mana berkenaan.³⁷ Malahan, kegagalan Pentadbir memaklumkan pemiutang yang terkesan tidak akan menjejaskan apa-apa transaksi yang dimasuki. Hal ini memperlihatkan bahawa peranan Pentadbir di bawah Akta 765 begitu dititikberatkan dan dipercayai cukup berwibawa untuk membawa pemulihan dengan kesan minimum terhadap pemiutang sedia ada.

Kepentingan Pekerja

Dalam perbincangan sebelum ini, ketika syarikat menghampiri insolvensi, kepentingan pemiutang sering menjadi tumpuan utama. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna tiada pertimbangan terhadap kepentingan lain boleh dibuat. Dalam *West Marcia Safetywear Ltd lwn Dodd*³⁸ umpamanya ditekankan bahawa pada masa gawat, pengarah tidak dibenarkan bertindak hingga menjadikan kedudukan pemiutang menjadi lebih terancam, tetapi pada masa yang sama bukanlah bermakna kepentingan pemiutang harus diberikan keutamaan yang mutlak. Rujukan dibuat terhadap kes *Re Welfab Engineers Ltd*³⁹ apabila pengarah dikatakan membuat keputusan yang tepat kerana menerima satu tawaran pengambilalihan yang mengekalkan sebahagian besar pekerja syarikat, walaupun tawaran itu kurang menguntungkan pemegang syer. Keputusan dibuat setelah mahkamah mengambil kira kedudukan sosioekonomi semasa di United Kingdom pada masa itu.

Pekerja tergolong sebagai pemiutang yang didahulukan (*preferential creditors*)⁴⁰ jika sesebuah syarikat mengalami proses penggulungan atau penerimaan. Sering kali apabila penstrukturan syarikat dijalankan, golongan ini akan mendapat layanan yang tersendiri, sama ada hasil daripada kuasa

36 Seksyen 46 Akta Danaharta.

37 Seksyen 21(4) Akta 765.

38 [1988] BCLC 250.

39 [1990] BCLC 833.

40 Seksyen 292 dan seksyen 191 Akta Syarikat 1965.

tawar-menawar mereka atau berkaitan dengan hak mereka yang dijamin oleh undang-undang.

Pengekalan pekerja MAS memang bukan menjadi satu opsi kerana ura-ura pemulihan MAS dikemukakan sejak awal lagi, langkah mengecilkan jumlah pekerja menjadi 14 ribu orang dengan mengurangkan pekerja sebanyak 6 ribu orang adalah menjadi satu langkah utama yang dicadangkan. Bagi sebuah Syarikat yang Berkait dengan Kerajaan (*Government Linked Companies (GLC)*) seperti MAS, langkah seumpama ini tidak pernah berlaku sebelum ini.⁴¹

Seksyen 25 Akta 765 dengan tegas meletakkan bahawa MAB mahupun Pentadbir, Pelantik dan MAS yang sedang ditadbir tidak akan menjadi pewaris kepada MAS sebelumnya. Tidak ada apa-apa juga liabiliti atau obligasi yang timbul semasa MAS diserahkan kepada MAB.

Sungguhpun begitu, MAB mempunyai ruang untuk memulakan apa-apa perbincangan atau rundingan sama ada dengan kesatuan sekerja atau apa-apa persatuan berkaitan yang diiktiraf. Untuk tujuan itu, notis 14 hari diperlukan.⁴² Hal ini bermakna, Akta 765 memberikan ruang untuk Pentadbir dengan kuasa yang mutlak untuk menentukan sendiri nasib pekerja yang sebelum ini bekerja dengan MAS. Namun begitu, laporan media ada menyatakan MAS akan melaksanakan proses pemberhentian pekerjaanya dengan cara yang paling berhemah, adil dan telus.⁴³ Pekerja mereka dimaklumi kerana telah menjadi sebahagian daripada MAS sejak sekian lama.

Langkah pemberhentian pekerja sebagai usul pada mulanya ditolak oleh pekerja sedia ada. Perkembangan menunjukkan kesediaan Kesatuan Sekerja MAS (MASEU)⁴⁴ yang mewakili pekerja MAS selama ini menunjukkan reaksi positif kepada pelan pemulihan MAS.⁴⁵ Kesatuan juga mengalukan penubuhan Pusat Pembangunan Korporat (CDC)⁴⁶ yang akan menyediakan kemahiran semula dan penempatan perkhidmatan bagi pekerja yang meninggalkan syarikat penerbangan itu.⁴⁷

Difahami juga, pelantikan Mueller yang diawalkan pada 1 Mei 2015 dan bukannya 1 Julai 2015 adalah bertujuan untuk memberikan beliau masa

41 Lihat "MAS Staff Downsizing Essential, Says Analyst" dlm. *The Star Online*, Business News, 13 April 2015; B. K. Sidhu. "New Medicine for Ailing MAS" dlm. *The Star Online*, Business News, 30 Ogos 2014.

42 Seksyen 27 Akta 765.

43 Lihat "Christoph Mueller CEO of MAS from May 1" dlm. *The Sunday*, 23 Mac 2015.

44 Malaysia Airlines System Employees Union.

45 Lihat "Christoph Mueller CEO of MAS from May 1" dlm. *The Sunday*, 23 Mac 2015.

46 Corporate Development Centre.

47 Lihat "MAS Union: We Support Restructuring Exercise for Airline" dlm. *The Star Online*, Home News Nation, 21 April 2015.

tambahan yang akan membolehkan beliau untuk membuat penilaian yang penting dalam proses pemilihan pekerja di semua peringkat organisasi.⁴⁸ Oleh itu, pekerja MAB akan menjalankan tugas pada 1 September 2015 bersama-sama dengan Mueller, yang secara rasmi akan mengambil alih jawatan sebagai Pengarah Urusan MAB dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan pada tarikh yang sama.⁴⁹

PENUTUP

Peruntukan di bawah Akta 765 dengan jelas digubal untuk membolehkan pemulihan semula syarikat penerbangan MAS menjadi MAB. Sasaran awal yang optimis adalah untuk melihat MAB mula mengaut keuntungan pada akhir tahun 2017 dan menurunkan kebergantungan modal pinjaman secara drastik. Namun begitu, masih terdapat pandangan yang skeptikal terhadap keupayaan MAS untuk kembali menjadi sebuah syarikat penerbangan yang disegani dan kompetitif, walaupun melalui model perniagaan yang berbeza. Rakyat Malaysia, umumnya akan melihat adakah usaha tersusun yang dibuat menerusi penggubalan perundangan ini berjaya atau sebaliknya.

Usaha penyelamatan berprofil tinggi ini bukan sekadar suatu usaha intensif untuk memulihkan syarikat penerbangan nasional. Banyak kelainan tersendiri yang terdapat dalam Akta 765 berbanding dengan mekanisme penyelamatan korporat yang lain untuk menjadi subjek analisis yang menarik. Ciri istimewa proses penyelamatan ini terserlah, terutamanya menerusi pelibatan Pentadbir yang diberikan kebebasan penuh dengan imuniti yang sesuai untuk membawa syarikat ke arah keuntungan. Kuasa budi bicara mutlak yang diberikan kepada Pentadbir turut terkesan terhadap peruntukan yang berkaitan dengan pihak berkepentingan yang terlibat, termasuk pemiutang dan pekerja yang tertakluk pada kuasa Pentadbir. Pelupusan dan pemindahan aset daripada MAS ke MAB pula dipermudahkan melalui proses peletakan hak.

Akta 765 secara keseluruhannya bukan sahaja bertindak sebagai campur tangan perundangan terhadap penyelamatan korporat. Akta ini juga sekali gus menyumbang kepada literatur undang-undang yang penting yang membolehkan Parlimen meluluskan satu undang-undang penyelamatan korporat.

48 Lihat B. K. Sidhu. "Mueller Gets Busy" dlm. *The Star Online*, Business News, 7 Mac 2015.

49 Lihat "Christoph Mueller CEO of MAS from May 1" dlm. *The SUNDAILY*, 23 Mac 2015.